



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
RAMADAN;  
GANJARAN BESAR  
MENUNGGU KITA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "RAMADHAN;GANJARAN BESAR MENUNGGU KITA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</b>  Marilah kita tingkatkan iman dan taqwa kehadiran Allah SWT, dengan mentaati segala perintahnya dan menjauhi larangannya. Semoga kita mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Khutbah pada hari ini bertajuk; <b>"RAMADAN : GANJARAN BESAR MENUNGGU KITA"</b>.  <b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	6



Kita berada diambang Ramadan, bulan yang penuh rahmat dan barakah. Marilah kita mengambil peluang yang istimewa ini untuk memperoleh ganjaran besar anugerah Allah SWT.

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

7

أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُّبَارَكٌ فَرَضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ تُفْتَحُ فِيهِ  
أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ وَتُغْلَقُ فِيهِ مَرَدَةُ الشَّيَاطِينِ لِلَّهِ فِيهِ  
لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ مَنْ حُرِمَ خَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ.

*"Telah datang kepada kamu sekalian bulan Ramadan, bulan yang diberkati, Allah 'azza wa jalla telah mewajibkan ke atas kamu sekalian untuk berpuasa. Di bulan itu pintu-pintu langit dibuka dan pintu-pintu neraka Jahim ditutup serta syaitan-syaitan yang melampau dibelenggu. Demi Allah, terdapat padanya satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Barangsiapa yang terhalang mendapatkan kebaikannya, maka sungguh ia telah terhalang mendapatkannya."*

8

*(Riwayat Ahmad dan al-Nasa'i).*



Demikian juga sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Salman al-Farisi Radiallahu'anhu memberitahu, pada suatu hari akhir bulan Syaaban Rasulullah SAW berkhotbah kepada kami, yang bermaksud:

*"Wahai manusia, kini muncul kepadamu satu bulan yang mulia, bulan yang tersangat barakah, terkandung di dalamnya satu malam yang terlebih tinggi nilainya daripada seribu bulan. Inilah bulan difardukan puasa pada waktu siang, dan solat pada waktu malam. Siapa yang ingin menghampirkan diri kepada Allah SWT, dengan amalan sunat, akan mendapat ganjaran pahala seolah-olah melakukan amalan fardu pada bulan lain. Dan siapa yang melakukan amalan fardu dalam bulan ini, akan mendapat ganjaran tujuh puluh amalan fardu pada bulan lain."*

*(Riwayat Ibnu Khuzaimah).*

9

Kedua-dua hadis ini sudah cukup bagi kita mengetahui betapa besarnya ganjaran yang dijanjikan kepada kita. Kita akan memperoleh rahmat Allah, diampunkan dosa, dimakbulkan doa, digandakan pahala amalan, dan sebagainya. Lebih-lebih lagi jika beribadat pada 10 malam terakhir bulan Ramadan.

**Muslimin yang mulia,**

10

Sesungguhnya, tujuan berpuasa bukan setakat menahan makan dan minum pada siang hari, tetapi mengajar kita mendisiplinkan diri dan menjadikan kita supaya bertaqwa kepada Allah SWT. Antaranya; mendidik hati supaya sentiasa ikhlas,

11



<p>menjaga mata dengan hanya melihat perkara-perkara yang makruf dan menjauhi pandangan yang mendatangkan kemungkaran dan maksiat, mencegah telinga daripada mendengar pertuturan yang ditegah oleh syarak, mengawasi perut daripada makan makanan yang haram dan syubhah, memelihara lidah daripada bercakap hal-hal dusta dan mengumpat.</p>	12
<p>Puasa juga bertujuan untuk mendidik kita untuk menyumbang kerana ganjaran besar juga akan menanti kepada individu yang suka bersedekah menyediakan juadah berbuka puasa. Namun dalam masa yang sama, janganlah pula kita melakukan pembaziran hingga terlalu banyak makanan yang terbuang sepanjang bulan Ramadhan. Jadilah hamba Allah yang mementingkan kesederhanaan dan tidak melampau-lampau dalam sebarang tindakan penyediaan juadah pada bulan Ramadhan.</p>	13
<p>Justeru, sambutlah bulan yang barakah ini, dengan azam untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selain menunaikan Solat Fardhu secara berjemaah di awal waktu, kita hendaklah mengisi malam-malam Ramadhan dengan solat sunat tarawih, beriktikaf dalam masjid, bersedekah, memperbanyakkan zikir dan doa, bertadurus al-Quran dan amalan-amalan sunat yang lain.</p>	14
<p>Rasulullah SAW menyatakan betapa besarnya ganjaran bertadurus al-Quran, yang akan mendatangkan syafaatnya kepada kita pada hari akhirat kelak. Abu Umamah al-Bahili meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p>اِقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ</p>	15



<p><i>"Bacalah al-Quran, kerana pada hari kiamat ia akan datang sebagai syafaat kepadamu."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	16
<p>Saidina Umar al-Khattab Radiallahu'anhu sering mengatakan apabila tiba bulan Ramadan, dengan ucapan "Selamat datang Ramadan, bulan yang membersihkan kami, kerana Ramadan semuanya menjadi baik, puasa siang harinya baik, bangun solat pada malamnya baik, dan sedekah pada bulan ini sama dengan membelanjakan harta untuk perjuangan jihad fi-sabilillah.</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia.</b></p>	17
<p>Sebelum kita menyambut kehadiran bulan yang penuh barakah ini, sewajarnya kita mengulang kaji ilmu yang berkaitan dengan ibadat puasa dan amalan-amalan yang telah disyariatkan, memohon ampun dan bertaubat kepada Allah SWT, supaya kita memasuki bulan Ramadan ini dengan jiwa yang suci bersih zahir dan batin. Bermunajat kepada Allah SWT dengan penuh harapan agar puasa dan seluruh ibadat kita diterima oleh Allah SWT.</p>	18
<p>Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW mengingatkan kita dengan sabdanya yang bermaksud:</p> <p style="text-align: center;"><i>"Berapa ramai orang yang berpuasa tetapi tiada mendapat sesuatu daripada puasanya, selain rasa lapar dan dahaga".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ibnu Majah).</i></p> <p><b>Hadirin yang dikasihi Allah Sekalian,</b></p>	19



Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati dan mengambil pengajaran daripada saranan berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa ibadat puasa dalam bulan Ramadan adalah perintah Allah SWT yang wajib ditunaikan.
2. Umat Islam hendaklah istiqamah dan tidak berhenti melaksanakan ibadah sepanjang bulan Ramadan ini dari awal Ramadhan hinggalah sepuluh malam terakhir.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa bertaubat, menyesali segala dosa yang pernah dilakukan, mematuhi perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya.

20

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا التَّوْبَةُ عَلَى اللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السُّوءَ بِجَهْلَةٍ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِنْ قَرِيبٍ  
فَأُولَئِكَ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٧﴾

21

*"Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."*

22

(Surah Al-Nisa : 17).



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. 30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ 31





## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّزْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونََ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	17



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	18
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	19
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	20